

# Language Festival 4.0

SITI NUR DINA HAJI MOHD ALI, NURULNABILAH BINTI ABDUL AZIZ,  
NORSHIDA HASHIM & SYAHIRAH ALMUDDIN  
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Kuala Pilah

Festival Bahasa merupakan sebuah program akademik anjuran Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTM CNS), Kampus Kuala Pilah bagi mempertingkatkan pengetahuan bahasa dalam kalangan pelajar dengan lebih efektif dan menyeronokkan. Program ini dilaksanakan pada setiap semester yang mana ia merupakan program kolaborasi di antara Eagles English Club (EAGLES) dan Persatuan Bahasa Arab UiTM Kampus Kuala Pilah. Penganjuran program ini merupakan rentetan daripada program Festival Bahasa 3.0 yang telah diadakan secara dalam talian buat julung kalinya pada semester lepas di mana Persatuan Bahasa Arab merupakan teraju utama.

Kelab Bahasa Inggeris UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah (EAGLES) di bawah pimpinan Puan Siti Nur Dina Haji Mohd Ali dan Puan Nurulnabilah binti Abdul Aziz bersama dengan ahli jawatankuasa kelab di bawah pimpinan Muhammad Ikram bin Latif, selaku pengarah program telah menjadi teraju utama bagi program Festival Bahasa 4.0 pada kali ini. Program ini turut dijayakan oleh Puan Norshida Hashim dan Puan Syahirah Almuddin selaku penasihat Persatuan Bahasa Arab yang bertindak sebagai penyelaras bersama bagi festival bahasa ini khususnya bagi aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan Bahasa Arab.



Program Festival Bahasa 4.0 telah diadakan pada 12 Mei hingga 25 Jun 2021. Setiap peserta diperuntukkan tempoh masa selama sebulan sepanjang program ini berlangsung bagi membolehkan mereka menyedia dan menghantar hasil tugasan yang lengkap terutamanya video kategori pertandingan yang disertai dengan sebaik-baiknya. Ini merupakan program kali kedua yang dijalankan secara dalam talian, di mana sebelum bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan(PKP), program ini diadakan secara fizikal dengan menjalankan pelbagai aktiviti di sekitar kampus.

Festival Bahasa 4.0 kali ini telah menjalankan sebanyak lapan (8) aktiviti yang merangkumi tiga bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin dengan membuka penyertaan kepada semua pelajar kampus Kuala Pilah. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

**Bahasa Inggeris**

Poetry in Song  
1, 2, Action!

**Bahasa Arab**

Bahasa Arab TikTok Talent  
Nasyid Bahasa Arab

**Bahasa Mandarin**

Video Kaligrafi  
Food Review

Program ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan jumlah penyertaan seramai 514 orang pelajar secara keseluruhannya, walaupun dianjurkan secara dalam talian. Majlis penutup program Festival Bahasa 4.0 telah diadakan pada 2 Julai 2021 secara langsung di saluran *YouTube* Akademi Pengajian Bahasa Kuala Pilah di mana ianya dapat ditonton oleh semua pelajar tidak kira di mana mereka berada. Justeru, semua pelajar yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Festival Bahasa 4.0 kali ini sedikit sebanyak diberi pendedahan tentang penggunaan aplikasi teknologi dalam pembelajaran bahasa. Festival ini juga dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif para pelajar dalam menyelesaikan masalah atau tugasan yang diberi selain daripada meningkatkan kemahiran dalam penggunaan bahasa Inggeris, Arab serta Mandarin.



